



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

**JOW 460 – PSIKOLOGI PENGURUSAN**

Masa: 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **SEMUA** soalan.

Markah bagi setiap bahagian adalah seperti yang tercatat.

**SOALAN 1 (40 markah)**

Pembelajaran merupakan perubahan yang agak kekal dalam tingkah laku yang terhasil daripada amalan. Jelaskan secara terperinci, pembelajaran yang menggunakan pendekatan kognitif dan jenis-jenis pendekatan kognitif.

**SOALAN 2 (30 markah)**

Persepsi dan sikap membantu kita memahami persekitaran dalaman dan luaran dalam membuat pertimbangan terhadap orang lain.

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan persepsi? (10 markah)
- (b) Jelaskan secara ringkas **TIGA (3)** peringkat persepsi. (10 markah)
- (c) Senaraikan faktor dalaman dan faktor luaran persepsi. (10 markah)

**SOALAN 3 (20 markah)**

Sikap mempunyai kesan yang mendalam kepada persepsi. Di tempat kerja, sikap boleh mempengaruhi kepuasan bekerja, kerjasama dengan orang lain, imej organisasi, motivasi kerja, psikologi atau kesejahteraan fizikal pekerja. Terangkan **LIMA (5)** daripada tujuh ciri-ciri sikap yang telah dipelajari.

**SOALAN 4 (10 markah)**

Stres atau tekanan adalah satu fenomena semula jadi dalam kehidupan seharian seseorang individu. Senaraikan secara ringkas, **LIMA (5)** cara mengatasi tekanan.